


ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Wahid Razzaly (kiri) dan Razali Hassan (kanan) sempena Persidangan Angkasa Negeri Johor di UTHM, Batu Pahat, Johor, semalam. Turut kelihatan, Fadilah Salim (tengah) dan Sazali Abd. Hamid.



Koperasi sasar hartanah strategik - Angkasa

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
pengarang@utusan.com.my

■ BATU PAHAT 26 APRIL

KERAJAAN disaran menyediakan dana khusus untuk koperasi memiliki hartanah di kawasan strategik agar pemilikan hartanah di kawasan itu dapat diseimbangkan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebagai permulaan, sejumlah RM500 juta dana disediakan bagi tujuan itu.

“Angkasa sendiri terlibat dalam banyak projek berkaitan hartanah termasuk kira-kira 25,000 unit rumah yang nilai pembangunan kasar (GDV) hampir RM49 bilion.

“Langkah itu juga selaras dengan resolusi konvensyen hartanah yang diadakan dengan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pada tahun lalu,” katanya ketika ditemui dalam Persidangan Angkasa Negeri Johor 2017 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly; Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) negeri, Fadilah Salim; Pengerusi Koperasi UTHM, Prof. Madya Dr. Razali

Hassan; Pengerusi MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. (MyAngkasa Bina), Datuk Che Mohd. Shukree Che Isa dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Johor, Sazali Abd. Hamid.

Sempena persidangan itu, tiga memorandum persefahaman (MoU) dimeterai membabitkan GDV keseluruhan kira-kira RM800 juta antara UTHM dan koperasi universiti berkenaan, serta Angkasa Johor melalui MyAngkasa Bina dengan dua pihak lain.

MoU antara UTHM dan Koperasi UTHM adalah bagi pembinaan kolej kediaman pelajar di kampus Pagoh melibatkan 18 blok manakala MyAngkasa Bina pula memeterai MoU dengan syarikat Susur Gemilang bagi membangunkan 480 unit pangsapuri dan kedai pejabat di daerah ini serta MoU bersama Koperasi Wawasan Desa Pontian dan Sumber Satu Jaya untuk 818 unit rumah dan bangunan kedai di Pontian.